

Berita Bandaraya

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR



Y.Bhg Datuk Mohamad Shaid Bin Mohd. Taufek, Datuk Bandar Kuala Lumpur meletakkan Jalur Gemilang ke atas kendaraan rasmi DBKL.



Datuk Bandar Kuala Lumpur menyerahkan Jalur Gemilang kepada Ketua Umno Bahagian Kepong, Y.Bhg Datuk Haji Rizuan Bin Haji Abdul Hamid.



Keluaran 1/ Ogos 2002

Jamadilakhir 1423

Diterima dan direleaskan
pada.....
Tangah

Hak milik
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

(Pustaka Peringatan Kuala Lumpur)

ISSN 1675 - 1876 Naskhah Percuma



DIGITAL KIBARKAN JALUR GEMILANG

Datuk Bandar Kuala Lumpur semasa kempen mengibarkan bendera pada 1 Ogos 2002, meminta agar semua warga kota mengibarkan Jalur Gemilang sebagai tanda semangat dan menghargai perjuangan yang telah dilakukan oleh pemimpin-pemimpin yang terdahulu.

Antara ucapan Y.Bhg Datuk Mohamad Shaid pada majlis tersebut, beliau menekankan bahawa semangat kekitaan dan berkumpulan yang kuat akan dapat memartabatkan dan memajukan lagi negara serta dapat mengelakkan negara daripada ancaman luar.

Di majlis yang lain pada 8 Ogos 2002, DBKL telah memanggil pemilik-pemilik premis di sekitar Kuala Lumpur untuk bersama-sama memasang lampu di premis mereka serta mengibarkan Jalur Gemilang sempena Hari Kemerdekaan ke-45.

Selain dari itu, Datuk Bandar Kuala Lumpur juga menyerahkan Jalur Gemilang kepada 10 Ketua UMNO Bahagian untuk bersama-sama mengibarkan Jalur Gemilang sepanjang Ogos ini.

YB. Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Menteri Kebudayaan, Kesenian & Pelancongan, bersama-sama dengan Y.Bhg Datuk Mohamad Shaid Bin Mohd Taufek, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Halijah Othman, Timbalan Ketua Pengarah Pentadbiran & Perkhidmatan DBKL, Puan Ooi Saw Choo, Ahli Lembaga Penasihat DBKL dan Y.Bhg. Dato' Moehamad Izat Emir, Presiden Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (PERDASAMA) semasa pertemuan Datuk Bandar Kuala Lumpur dengan pemilik-pemilik premis di Kuala Lumpur.

Rencana Pengarang


Gejala vandalisme merupakan kegiatan anti-sosial yang perlu dihapuskan untuk menjamin kesejahteraan dan keselesaan hidup semua pihak. DBKL seperti mana juga agensi kerajaan dan swasta yang lain banyak menyediakan kemudahan-kemudahan untuk kegunaan awam.

Sayangnya beberapa golongan dalam masyarakat tidak tahu menghargai kemudahan-kemudahan ini. Mereka merosak, memusnahkan, mengotorkan malah mencuri peralatan dan kemudahan yang disediakan. Jumlah kerugian akibat vandalisme pada 2001 yang ditanggung oleh semua pihak (sektor awam dan swasta) di Kuala Lumpur menjangkau RM10.67 juta di mana RM1.48 juta melibatkan kemudahan yang disediakan oleh DBKL sendiri.

Vandalisme berkait rapat dengan sikap, tingkah laku dan pemikiran yang negatif dan tidak bertanggungjawab. Pengamalnya ialah mereka yang mempunyai nilai kesedaran dan tanggungjawab sosial yang rendah.

Sebagai usaha membasi kegiatan vandalisme, DBKL telah melancarkan kempen baru-baru ini untuk melahirkan kesedaran dan rasa tanggungjawab orang ramai. Apa yang lebih penting ialah semua pihak harus bekerjasama dan berganding bahu dalam menjaga dan memastikan harta-harta dan peralatan awam berada dalam keadaan baik.

"Harta Awam Milikmu-Milikku"



Jabatan Kerja Awam
Tingkat 17, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut.
03-2699 3597

Jabatan Seni Taman & Kawalan Pemberisihan Bandar
Tingkat 16, Menara Dato' Onn, PWTC
03-4045 3320

Direktorat Penguatkuasaan
Kaunter Bayaran, Tingkat Bawah,
Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.
03 - 4023 1133

Jabatan Perancang & Kawalan Bangunan
Tingkat 8, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut.
03-2691 6011 samb. 3806/3868

Jabatan Pengangkutan Bandar
Tingkat 19 Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut.
03 - 2691 0555

Jabatan Kesihatan
Tingkat 2, Bangunan Pentadbiran,
Km.4, Jalan Cheras.
03 - 9284 5166

Jabatan Pengurusan Penjaja & Perniagaan Kecil
Tingkat 4, Bangunan PKNS, Jalan Raja Laut.
03 - 2698 6989

Jabatan Pelesenan
Tingkat Bawah, Bangunan Bank Utama
56, Jalan Tuanku Abdul Rahman.
03 - 2698 6177 samb. 100

Jabatan Pengurusan Perumahan
Tingkat Bawah,
No. 12, , Jalan Tuanku Abdul Rahman.
03 - 2691 2112

Jabatan Saliran & Pengurusan Sungai
Tingkat 15, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut.
03 - 2691 6011

Hotline DBKL
03-4022 0033
(Banjir, lemas, tanah runtuhan, jalan berlubang)
03-9284 3636/9284 3434
(Binatang berbisa, pokok tumbang)

Talian Aduan Awam
Bhg. Hal Ehwal Awam
03-2699 3852 / 2697 7097

Hari Mesra Pelanggan
(Sabtu Minggu 2 & 4 setiap bulan)
9.00 pagi - 12 tengahari

Tele-Kaunseling Kuala Lumpur (24 jam)
Bebas Tol : 1800-882-600
No. Telefon : 03-2699 3930

Jurufoto
Mubarak Bin Mohd. Atan
Abd. Khani Bin Md. Shohor
Md. Ismail Bin Isnin

Cetakan
Unit Repografi
Jabatan Pengurusan Organisasi
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Alamat Editor
Berita Bandaraya
Bahagian Hal Ehwal Awam
Jabatan Pengurusan Organisasi
Tingkat 5, Bangunan DBKL
Atau berhubung dengan
Surigana Binti Ismail
Tel: 03-2691 6011 samb. 3851
Faks: 03-2694 1373
E-mel: akbar@dbkl.gov.my

KUALA

Berita Bandaraya

PERPUSTAKAAN

DIGITAL

PERPUSTAKAAN


</

PERPUSTAKAAN DIGITAL KUALA LUMPUR

Bangunan dengan seni bina 'Simple Modern Moorish Style' menjadikan ianya sesuai berada di sekitar bangunan-bangunan lain seperti bangunan Sultan Abdul Samad, Muzium Sejarah Nasional dan Muzium Kehakiman. Bangunan baru 4 tingkat, Perpustakaan Kuala Lumpur telah dimulakan pembinaannya pada 28 April 2001 dan dijangka siap pada Oktober 2002.

Perpustakaan baru ini akan dilengkarkan dengan infrastruktur teknologi terkini sesuai dengan keperluan sebuah perpustakaan digital. Bangunan ini juga dilengkarkan dengan beberapa kemudahan yang menarik antaranya kemudahan realiti maya (*virtual reality*) dan multimedia.

Perkhidmatan yang akan ditawarkan ialah perkhidmatan rujukan dan pinjaman untuk remaja



Perpustakaan Kuala Lumpur sedia ada di Jalan Raja.

dan dewasa, perkhidmatan internet dan multimedia, perkhidmatan rujukan ekonomi, perkhidmatan muzik dan alat bunyi, penggar, perkhidmatan sidang video dan berbagai aktiviti yang berkaitan dengan pembacaan ilmu dan kebudayaan.

Semua urusan perpustakaan akan menggunakan kad pintar. Koleksi buku yang akan dimuatkan ialah 100,000 naskah dan ditambah dengan bahan-bahan berbentuk digital seperti e-books, e-journals dan e-newspapers. Perpustakaan juga akan melangan kepada beberapa pangkalan data dari dalam dan luar negara.

Perpustakaan Kuala Lumpur yang kini masih beroperasi di bangunan asal di Jalan Raja dijangka akan berpindah ke bangunan baru pada awal Jun 2003.

Orang ramai yang ingin menjadi ahli boleh menghubungi Perpustakaan Kuala Lumpur di talian 03-2693 2908 atau layari laman web di www.kl.lib.edu.my.



Perpustakaan Digital Kuala Lumpur dalam pembinaan.

BPR BERSAMA DBKL

Majlis Penerangan Badan Pencegah Rasuah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (BPR) dan DBKL telah diadakan pada 24 Julai 2002, dengan dihadiri oleh lebih kurang 300 orang dari Persatuan Kontraktor Kecil, Persatuan Peniaga Kecil dan Persatuan-Persatuan Penjaja Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Tujuan majlis penerangan ini ialah untuk menjalinkan hubungan dan kerjasama yang lebih erat di antara BPR/DBKL dengan penjaja-penjaja, peniaga kecil dan kontraktor di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, bagi bersama-sama mengambil tindakan mencegah rasuah serta meningkatkan integriti dengan mengamalkan nilai-nilai murni dan beretika.

DEWAN SERBA GUNA TAMAN IBUKOTA DITUTUP SEMENTARA

Dewan Serbaguna Taman Ibukota telah ditutup sementara bermula 1 Ogos 2002 selama 35 minggu. Penutupan ini adalah kerana untuk menaik taraf dewan tersebut untuk dijadikan sebagai pusat komuniti.

Dewan dua tingkat ini yang mempunyai 3 gelanggang badminton akan diubahsuai dengan menyediakan lebih banyak bilik-bilik untuk kegunaan semua lapisan masyarakat. Orang ramai yang mempunyai hasrat untuk menggunakan perkhidmatan dewan atau gelanggang untuk beriadah, boleh menggunakan Pusat Komuniti Gombak yang telah pun dibuka.

Dewan Serbaguna Taman Ibukota dijangka akan dibuka semula pada bulan Mei 2003.